

# Azmin jumpa PM untuk perjelas isu tuduhan

UM 12 APR 2000

KUALA LUMPUR 11 April — Bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamed Azmin Ali, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini beliau telah pergi berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menerangkan berhubung tuduhan terhadap isterinya.

Azmin berkata, oleh kerana Perdana Menteri prihatin mengenai bagaimana perasaannya berhubung tuduhan terhadap isterinya (Shamsidar Taharin), Dr. Mahathir bersetuju menemui beliau.

Beliau juga bersetuju dengan pendapat Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk

Abdul Gani Patail, bahawa penerangan kepada Perdana Menteri hanya tertumpu terhadap isterinya sahaja.

Namun dalam satu soalan pemeriksaan balas, Azmin menjawab beliau tidak bersetuju dengan pendakwa raya itu bahawa beliau tidak pernah menyebut apa-apa kepada Perdana Menteri mengenai kontrak Pemadam untuk adiknya, Ummi Hafilda Ali, atau apa-apa bayaran kepada Ziela Jalil (isteri kedua Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob).

Ketika disoal semula oleh peguam bela Anwar, Christopher Fernando berhubung perkara itu, Azmin menyata-

kan beliau memaklumkan kepada Perdana Menteri bahawa Ziela menerima bayaran balas sebanyak RM30,000 daripada Ummi.

Azmin, 35; kini Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Hulu Klang menyatakan demikian sebagai saksi pembela ke-22 pada perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri itu bersama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Sukma, 39, juga dituduh bersubahat dengan Anwar, 52, meliwat Azizan, 39, yang pernah menjadi pemandu peribadi isteri Anwar, Datin

Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Mereka berdua didakwa melakukan kesalahan itu pada satu malam, di antara Januari hingga Mac 1993, pukul 7.45, di apartmen Sukma, No. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk Bangsar di sini.

Terdahulu ketika menjawab soalan dalam pemeriksaan utama yang dikemukakan oleh Fernando, Azmin memberitahu bahawa beliau berjumpa Perdana Menteri pada tahun 1998.

Menurut Azmin, Dr. Mahathir telah bertanya siapa sebenarnya Ummi dan beliau mengatakan Ummi adalah adiknya.